

AKTIVITI 3: SUSUN (TERTINGGI)

Pengaruh luar yang dihadapi oleh remaja

Oleh itu, semua pihak haruslah bekerjasama bagi aur dengan tebing untuk mengatasi masalah ini.	"Sesungguhnya bangsa akan kekal utuh jika akhlaknya masih utuh. Jika akhlaknya sudah lumpuh, mereka pun akan lenyap."
Jika remaja kita tidak diasuh, dibimbing dan dididik dengan kamil, tidak mustahil segala aspirasi negara hanya sekadar imaginasi semata-mata dan tidak menjadi realiti.	Imej negara juga akan harum di persada dunia dan masyarakat Malaysia akan dianggap sebagai masyarakat kelas pertama kerana ketinggian akhlaknya bak kata pujangga,
Jika masalah pengaruh luar dalam kalangan remaja dapat dihapuskan, remaja yang merupakan pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara dapat melaksanakan tanggungjawab dan obligasi masing-masing untuk memacu pembangunan negara.	Oleh sebab itu, remaja kita perlu terjaga daripada lena dan keasyikan serta melengkapkan diri dengan ciri-ciri yang mulia supaya dapat menempatkan diri sebagai modal insan yang cemerlang, gemilang dan terbilang.
Tindakan mengharapkan pihak kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini semata-mata tidak berkesan kerana bertepuk sebelah tangan tidak akan berbunyi.	Secara implisitnya, negara kita dapat berdiri gah di pentas antarabangsa bergandingan dengan negara maju yang lain dan terkenal di seantero dunia.
Secara analoginya, bayang kian jelas bahawa terdapat banyak pengaruh luar yang dihadapi oleh para remaja di negara kita.	